

# MAJLIS KECEMERLANGAN KRIKET TUDM

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2803-majlis-kecemerlangan-kriket-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2803-majlis-kecemerlangan-kriket-tudm)

KUALA LUMPUR, 21 Dis 17 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM yang juga Penaung Lembaga Sukan (LS) TUDM telah menyempurnakan Majlis Kecemerlangan Kriket TUDM bagi tahun 2017 yang berlangsung di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur.

Majlis yang dianjurkan oleh Persatuan Kriket TUDM ini bertujuan memberi pengitirafan kepada atlet Kriket TUDM yang mempamerkan aksi cemerlang serta mengharumkan nama TUDM. Di majlis ini menyaksikan Kpl U Mohd Anwar bin Arudin telah dinobatkan sebagai “Best RMAF Hawk” manakala “Best RMAF Angels” disandang oleh LU Christina Nina Baret yang diwakili oleh Kpl U (W) Jannadiah Abdul Halim.

Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM merangkap Pengurus LS TUDM hadir bagi menyampaikan sijil penghargaan dan anugerah kepada pemain kriket TUDM.



